



MAJLIS PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT NEGERI PERLIS

UCAPAN

**YANG BERHORMAT SENATOR TAN SRI DATO' SERI MUHAMMAD BIN MUHD. TAIB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

PADANG AWAM SIMPANG SANGLANG,
ARAU, PERLIS
16 JULAI 2008
10.35 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Amat Berhormat Dato' Dr. Md. Isa bin Sabu
Menteri Besar Perlis

Yang Berhormat Exco-Exco Negeri Perlis

Yang Berhormat ADUN-ADUN Negeri Perlis

Yang Berbahagia Dato' Ali Nordin bin Wahiduddin
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Mewakili Ketua Pengarah RISDA

Yang Dihormati En. Mohd. Radzuan bin Mohd. Diah
Pengarah RISDA Negeri Perlis

Ketua – ketua dan Jawatan kuasa Bahagian UMNO

Pengerusi dan J/kuasa JKKK DUN Sanglang

Serta Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

3

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

1.0 PENGHARGAAN

Marilah kita bersama-sama pada hari ini memanjangkan kesyukuran kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya dapat kita berkumpul di sini bagi Majlis Pemimpin Bersama Rakyat Negeri Perlis. Saya mengambil kesempatan disini untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Md. Isa bin Sabu, Menteri Besar Perlis yang telah sudi melapangkan masa hadir sama pada hari ini. Kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri

4

amat bermakna kepada semua yang hadir pada hari ini dan juga menyemarakkan lagi semangat untuk membangunkan masyarakat luar bandar di Negeri Perlis ini. Terima kasih juga atas sokongan YB Exco-Exco Negeri Perlis, semua YB Ahli Dewan Undangan Negeri, UMNO Bahagian serta JKKK . Saya juga mengalu-alukan kedatangan semua pekebun kecil dari seluruh Negeri Perlis dan saya berharap Tuan-tuan dan Puan-puan dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa dilindungi oleh Allah SWT dalam usaha kita untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab kita.

5

Setinggi penghargaan dan tahniah kepada RISDA kerana mengaturkan satu Majlis seumpama ini yang begitu berfaedah kepada masyarakat pekebun kecil di lapangan.

2.0 LEVI KEUNTUNGAN LUAR BIASA (*Windfall Tax*)

Saya mengambil peluang di sini untuk menerangkan beberapa perkara yang telah membawa keresahan kepada pekebun kecil di seluruh negara baru-baru ini. Salah satunya adalah mengenai Levi keuntungan luar biasa (*Windfall Tax*) Minyak Sawit Mentah (MSM) dan Minyak Isirong Mentah (MIM) yang telah dikuatkuasakan oleh

6

Kerajaan mulai 1 Julai 2008 bagi menggantikan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak atau *Cooking Oil Stabilizing Scheme* (COSS). Di bawah Levi keuntungan Luar Biasa Minyak Sawit ini, Levi dikenakan apabila harga MSM dan MIM melebihi RM2,000 se tan metrik. Kadar levi adalah 15% bagi Semenanjung Malaysia dan 7.5 % di Sabah dan Sarawak. Levi ini kalau mengikut perintah yang dikeluarkan, dikenakan kepada pengilang Minyak Sawit Mentah (MSM) dan Minyak Isirong Mentah (MIM). Walaupun perintah ini dikenakan kepada pengilang MSM dan MIM, namun dari pengalaman RISDA dan FELCRA, pihak pengilang telah memindahkan beban levi ini kepada pekebun kecil.

7

Oleh itu pada Mesyuarat Kabinet 11 Julai 2008, Kerajaan telah memutuskan mulai 15 Julai 2008, pekebun kecil sawit dikecualikan daripada Levi ini dan kutipan Levi ini hanya dikenakan kepada sektor estet sahaja. Saya harap dengan penjelasan ini, Tuan-tuan dan Puan –puan berpuashati dan pastikan Tuan-tuan dan Puan-puan tidak dibebankan dengan kos ini oleh mana-mana pihak.

8

3.0 KESAN KENAIKAN HARGA MINYAK KE ATAS PEKEBUN KECIL

Saya juga mengambil peluang ini untuk menjelaskan kepada Tuan-tuan dan Puan-puan mengenai kenaikan harga minyak yang menjadi isu hangat di peringkat global pada masa sekarang. Kenaikan harga minyak ini hadala disebabkan oleh pengeluaran dan permintaan yang sangat ketat. Pengeluaran dunia adalah 85,000 Juta Tong sehari manakala keperluan dunia adalah 80,000 Juta Tong sehari. Sebab- sebab lain yang menyebabkan kenaikan harga minyak di pasaran dunia adalah spekulasi di pasaran hadapan (futures market), kejatuhan nilai US Dollar dan

9

pengeluaran minyak yang tergendala disebabkan oleh peperangan di Iraq, Sanction di Iran, keganasan di Nigeria dan permintaan minyak yang tinggi dari China dan India.

Dengan peningkatan harga minyak, kos pengeluaran barang makanan contohnya beras juga turut meningkat . Bagi sector pekebun kecil pula, kos input pertanian, kos kerja dan pembangunan prasarana telah meningkat naik secara mendadak dan membebankan pekebun kecil. Kos Baja meningkat 55 % . Contohnya bagi Baja Getah R4, harga telah meningkat dari RM 27.30/25 kg ke RM 42.90 (57%). Bagi Baja Sawit R5, kos telah

meningkat dari RM 27.30 ke RM 62.80 (130%). Kos pengeluaran benih getah (BCMP) juga meningkat iaitu dari RM 1.50/pokok ke RM 1.81/pk (21%), manakala bagi benih sawit dari RM 4.50/pk ke RM 6.58/pk (46%). Kos pengangkutan bagi baja dan benih telah naik sebanyak 35 % dan kos pembinaan prasarana juga di jangka meningkat 30-40%. Kos upah buruh juga telah meningkat 50%.

Secara keseluruhannya, dengan kenaikan kos-kos input pertanian ini, Kos pembangunan ladang telah meningkat 30 % dan ini telah mengakibatkan Bantuan Tanam semula tidak mencukupi untuk

11

menampung kenaikan kos ini. Untuk mengatasi masalah kenaikan kos ini, saya telah minta RISDA untuk membuat satu kajian menyeluruh kenaikan kos yang terlibat dan kita akan mengkaji semula kadar bantuan tanam semula ataupun cadangan-cadangan lain untuk mengurangkan kos yang terlibat ini dari terus menjadi beban kepada pekebun kecil.

4.0 PEMBEKALAN BENIH SECARA LEBIH BERKESAN

RISDA telah merancang dan melaksanakan penyediaan benih melalui tapak semeian *transit* dan *in-situ* yang kedudukannya jauh daripada tapak semeian pusat. Tumpuan diberikan kepada

12

kawasan yang banyak bertanam dengan getah. Dengan cara ini akan dapat mengurangkan kos penyediaan dan pengangkutan benih dan secara langsung akan dapat mengurangkan harga benih kepada pekebun kecil. Tapak semaian seumpama itu juga akan memberi kemudahan kepada pekebun kecil untuk mendapatkan benih sulaman atau gantian dan keperluan lain yang kuantitinya tidak banyak. Juga dapat memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat sebagai pencantum (budders) dan pengusaha tapak semaian.

Sebanyak 20 buah Tapak Semaian Transit telah diluluskan dan 10 telah beroperasi pada tahun ini. Dijangkakan sehingga penghujung

RMK 9, sejumlah 43 buah Tapak Semaian Transit akan diwujudkan iaitu satu bagi setiap Daerah.

5.0 PROGRAM PENINGKATAN PENDAPATAN (PPP) DI BAWAH PROGRAM SKIM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN RAKYAT (SPKR)

Program Peningkatan Pendapatan merupakan salah satu program di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat atau SPKR yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk meningkatkan pendapatan golongan Miskin Tegar

di Luar Bandar melalui penglibatan dalam projek-projek ekonomi yang berupaya meningkatkan taraf hidup mereka.

Kadar Bantuan maksimum yang di beri bagi seorang peserta adalah RM 1,500.00 untuk membiayai kursus persediaan projek serta RM 10,000.00 untuk kos pelaksanaan projek seperti kos peralatan, mesin, bengkel atau ruangniaga, bahan mentah, modal pembangunan dan operasi.

Pada hari ini, seramai 59 orang peserta dari negeri Perlis akan menerima bantuan sejumlah RM 569,750.00 di bawah Program

15

ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Tuan-tuan dan Puan yang telah berjaya menerima Bantuan PPP ini. Semoga dengan bantuan ini, Tuan-tuan dan Puan-puan dapat melaksanakan projek dengan sebaik mungkin dan dapat meningkatkan pendapatan keluarga dan seterusnya dapat keluar daripada garis kemiskinan.

6.0 DIVIDEN MINI ESTET

Bagi tempoh Mei-Jun 2008, pihak RISDA akan menyampaikan dividen yang bernilai RM 83,000.00 juta khusus bagi 116 peserta Mini Estet Negeri Perlis. Pada hari ini, seramai 97 orang peserta

16

Mini Estet akan menerima dividen sejumlah RM 65,283.73. Bagi peserta-peserta yang selebihnya, dividen ini akan dimasukkan kedalam akaun masing-masing.

Pemberian dividen kepada peserta-peserta Mini Estet pada hari ini adalah salah satu kejayaan RISDA yang telah membangunkan tanah-tanah pekebun kecil secara berkumpulan dan diurus secara komersial. Saya pasti jika kebun-kebun ini tidak diuruskan secara berkumpulan dan komersial, besar kemungkinan dan sudah pasti kebun ini tidak dapat dibangunkan dan hanya ditinggalkan begitu sahaja. Ini adalah kerana purata keluasan hak milik tanah pekebun

17

kecil adalah terhad kepada 2 hektar kebawah. Maka pihak kerajaan menggalakkan supaya pekebun kecil menanam semula secara berkumpulan. Langkah RISDA melaksanakan tanam semula berkumpulan dan juga diuruskan secara komersial adalah salah satu cara dan tindakan terbaik supaya kos perbelanjaan dapat dikurangkan iaitu dengan adanya ekonomi bidangan.

Saya percaya usaha yang dilaksanakan oleh RISDA dalam memajukan dan membangunkan kebun-kebun milikan pekebun kecil secara berkelompok dan komersial sudah tentu dapat meningkatkan penggunaan teknologi baru setanding dengan

18

ladang swasta dan seterusnya akan memberi faedah bersama kepada pekebun kecil. Usaha ini adalah selaras dengan dasar kerajaan yang mahukan agensi kerajaan seperti RISDA membawa perubahan dalam corak berladang atau bertani di masa akan datang.

Semoga dengan bayaran dividen yang diterima nanti dan dalam keadaan kenaikan harga minyak dan barang makanan masa ini, gunakanlah wang tersebut dengan berhemah dan jangan lupa menabung atau menyimpan untuk masa depan.

7.0 PENUTUP

Kita sebagai rakyat yang dilahirkan di bumi Malaysia yang aman dan berpotensi ini seharusnya bersyukur atas segala nikmat yang sedang kita kecapi ketika ini. Adalah menjadi harapan saya supaya pekebun kecil terus merebut peluang-peluang yang disalurkan oleh Kerajaan dan memberi komitmen untuk menjayakan apa-apa aktiviti yang dilaksanakan oleh kerajaan. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan RISDA hanya boleh merancang dan membantu tetapi pekebun kecil sendiri mestilah menetapkan matlamat hidup mereka dan berusaha untuk mencapainya manakala yang lain diserahkan kepada ALLAH S.W.T.

Semoga Majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat pekebun kecil Perlis untuk lebih maju lagi di masa hadapan. Saya mendoakan agar Tuan-tuan dan Puan-puan akan terus maju dan meningkatkan produktiviti.

Sekian. Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.